

BELASUNGKAWA:

Ustaz Mu'allim

Berbakti Kepada Ibu Tanpa Jemu

Oleh: Nasif Sidquee Pauzi


Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan telah kehilangan pensyarah yang sangat berdedikasi pada 1 Julai 2021 bersamaan 21 Zulkaedah 1442 yang lalu.




Allahyarham Ustaz Mu'allim bin Mohd Bakri telah menghembuskan nafas terakhirnya di kiediaman beliau di Bukit Chedang, Seremban setelah diserang angin ahmar pada malam sebelumnya. Jenazahnya telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Segantang Lada, Rasah.

Allahyarham terkenal dengan sifatnya yang lemah lembut, suka tersenyum dan sentiasa sudi membantu rakan-rakan sejawatan, menyebabkan kehilangannya amat dirasai. Beliau juga merupakan editor pertama yang diamanahkan menerbitkan Buletin ACIS yang diterbitkan pada setiap bulan. Kegigihan dan kesungguhannya untuk menulis dapat dilihat semenjak beliau mula berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun lagi. Allahyarham telah mengeluarkan duit sendiri bersama dua orang rakan yang lain untuk menerbitkan buku berjudul Fiqh Tiga Serangkai.



Jika ditanya pada setiap yang mengenali susuk tubuh Allahyarham, semua akan menyatakan beliau adalah seorang yang sangat baik hati. Tidak ada yang pernah berkecil hati dengan beliau, menyebabkan beliau sangat disenangi dalam kalangan rakan-rakan sesama akademi mahupun rakan-rakan daripada fakulti yang lain. Sikap beliau yang gemar tersenyum menyebabkan Allahyarham mudah didekati dan disenangi ramai. Tidak hairanlah apabila ramai yang menghadiri majlis tahlil yang diadakan untuk beliau secara dalam talian walaupun keadaan pergerakan adalah terbatas pada waktu ini disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Antara yang menarik perhatian penulis sepanjang mengenali beliau, Allahyarham suka belanja makan rakan-rakan jika keluar makan bersama. Apabila kita hendak membayar selepas selesai makan, ternyata makanan sudah dibayar oleh beliau. Allahyarham juga kebiasaananya akan berkongsi kereta dengan penulis untuk ke kampus Kuala Pilah untuk mengajar para pelajar Diploma Pengurusan Halal. Hal ini menyebabkan hubungan penulis agak rapat dengan beliau. Bahkan kami ditempatkan di bilik yang sama di kampus Kuala Pilah.

Kebiasaananya antara perkara yang sering dibualkan sepanjang perjalanan dari kampus Seremban menuju ke kampus Kuala Pilah adalah berlegar tentang ibunya yang dicintai. Apabila memandu pulang untuk balik dari kampus Kuala Pilah ke kampus Seremban seringkali Allahyarham akan bercerita apa jenis masakan yang akan dimasak untuk ibunya. Beliau menyatakan bahawa ibunya tidak mahu makan makanan adik beradik lain yang masak, hanya mahu makan makanan yang Allahyarham masak. Pada minggu-minggu akhir sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, Allahyarham ada menyatakan kerisauan tentang keadaan ibunya yang uzur dan tidak selera untuk makan.

Artikel terakhir yang Allahyarham terbitkan di dalam Buletin ACIS bertajuk Awas! Jangan Derhaka membincangkan tentang kewajiban berbakti kepada ibu bapa memberi gambaran betapa beliau seorang anak yang sangat kuat berbakti kepada orang tuanya. Malahan pada malam diserang angin ahmar, Allahyarham

masih sempat membantu ibunya untuk pergi ke bilik air.

Warga ACIS sekali lagi dikejutkan dengan berita pulangnya ibu kepada Allahyarham Ustaz Mu'allim ke rahmatullah pada 29

Ogos 2021, 60 hari setelah pemergian Allahyarham. Semoga kedua-dua insan diampunkan segala dosa, dikasihi Allah dan ditempatkan bersama para solihin.

